

# UPM kekal status raja ragbi SUKIPT

**SKUAD** ragbi tujuh sebelah (7s) lelaki Universiti Putra Malaysia (UPM) mengekal-kal status raja ragbi Sukan Institusi Pendidikan Tinggi (SUKIPT) apabila sekali lagi mengungguli acara tersebut pada Ahad, lapor **WAN MOHD NOOR HAFIZ WAN MANSOR**

Dalam perlawanan akhir di Universiti Utara Malaysia (UUM) 2024 itu, juara bertahan menewaskan Universiti Teknologi Mara (UiTM), 21-0 di padang ragbi UUM.

Pengurus pasukan UPM, Muhammad Zyuraidi Abdul Majid berkata, kemenangan kali kelima di temasya SUKIPT itu lebih manis apabila mereka berjaya mengekalkan rekod tanpa bolos sejak acara ragbi dimulakan pada Jumaat lalu.

Menurutnya, rekod perlawanan di peringkat



FOTO: FOTO SUKIPT

**Pemain UPM (kiri)** berusaha melepasi halangan pemain UiTM dalam perlawanan akhir di Padang Ragbi UUM pada Ahad.

kumpulan menyaksikan UPM menewaskan UniKL (32-0), IPG KL (29-0), UTEM (34-0), Politeknik Malaysia (24-0) dan di separuh akhir pula meng-

atasi Universiti Teknologi Petronas (UTP) 34-0.

"Skuad UPM yang diberisi pemain baharu tahun pertama dan kedua menunjukkan ko-

mitmen tinggi untuk merebut kemenangan sejak memulakan aksi dalam kumpulan F.

"Tahap disiplin dan komitmen tinggi setiap pemain melalui persiapan di Serdang sebelum hadir ke SUKIPT menjadi faktor kemenangan," katanya.

Biarpun begitu, Muhammad Zyuraidi mengakui pasukannya tetap diberikan saingan sengit di separuh akhir dan juga akhir.

Tambahnya, keyakinan pemain-pemain juga meningkat apabila berjaya mengekalkan kedudukan tanpa bolos hingga ke perlawanan akhir sekali gus berjaya mengekalkan sasaran emas tahun ini.

Sementara itu, pasukan ragbi 7's wanita UiTM pula muncul juara selepas menewaskan Politeknik Malaysia 19-5 dalam perlawanan akhir.